

~ *sila semak semasa penyampaian* ~

UCAPAN PERASMIAN
YB DATO' SRI DR. NG YEN YEN
MENTERI PELANCONGAN MALAYSIA

**Majlis Pelancaran
'1Malaysia Green, 1Malaysia Clean'
Peringkat Daerah Segamat**

**23 Januari 2011 (Ahad), 10.30 pagi
Kolam Air Panas Labis, Segamat, Johor**

Yang Berhormat Tuan Hoo Seong Chang
Pengerusi Jawatankuasa Tetap
Pelancongan, Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
Negeri Johor

Yang Berhormat Tuan Chua Tee Yong
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani
Merangkap Ahli Perlimen Labis

Yang Berbahagia Dato' Dr. Ong Hong Peng
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan Malaysia

Yang Berusaha Tuan Haji Burhan bin Amin
Pegawai Daerah Segamat
Merangkap Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Labis

Ketua-ketua Jabatan serta Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian
Pelancongan Malaysia, Tourism Malaysia dan Kerajaan Negeri Johor

Dato'-Dato', Datin-Datin,

Ahli-Ahli Kelab Program Pelancongan Pelajar

Rakan-rakan media massa,

Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Majlis Pelancaran “*1Malaysia Green 1Malaysia Clean*” Peringkat Daerah Segamat. Sesungguhnya kehadiran tuan puan pada pagi yang ceria ini jelas menunjukkan sokongan padu anda sekalian terhadap usaha-usaha pihak Kementerian bagi kepentingan kita bersama, khususnya Bandar Labis yang kita sayangi.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

2. Dengan rasa bangga saya mengumumkan bahawa program pada pagi ini adalah yang pertama bagi tahun 2011. Kita memilih negeri Johor sebagai pembuka tirai bagi kempen yang berlandaskan *tagline* Kementerian iaitu “*Think Tourism, Act Tourism*”.

3. Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri Johor dan Tourism Malaysia Johor bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Johor telah memilih Kolam Air Panas Labis kerana ianya adalah salah satu produk pelancongan alam semulajadi bagi daerah Segamat.

4. Kempen ini mengajak semua orang, termasuk anak-anak kita, ibubapa, adik-beradik dan sebagainya, bersama-sama memastikan negara kita sentiasa bersih dan selamat untuk dilawati. Ia juga bertujuan membuka serta menukar minda rakyat Malaysia bagi meningkatkan tahap kebersihan khususnya di destinasi-destinasi pelancongan seluruh negara.

5. Bila semua cintakan kebersihan dan keindahan, secara tidak langsung kita akan menghargai dan menjaga dengan baik pelbagai tarikan pelancongan yang dikurniakan kepada kita semua iaitu alam semulajadi seperti pantai-pantai, hutan rimba yang berumur jutaan tahun, pulau-pulau, taman-taman riadah, produk-produk pelancongan tradisional dan baru serta banyak lagi.

Hadirin sekalian,

6. Sektor pelancongan terus menjadi sektor ekonomi yang diberi tumpuan di seluruh dunia serta menyediakan potensi besar untuk pertumbuhan dan pembangunan ekonomi di persada antarabangsa dari aspek *cash business*.

7. Sektor pelancongan juga telah menjadi salah satu kategori perniagaan antarabangsa yang besar yang kini berkembang dengan baik setelah mengalami kegawatan ekonomi yang amat mencabar pada tahun 2008 hingga 2009.

8. The World Tourism Organization (UNWTO), sebuah agensi United Nations yang bertanggungjawab terhadap perkara berkaitan pelancongan melaporkan bahawa pertumbuhan pergerakan ketibaan pelancong antarabangsa dijangka akan terus berkembang kepada 1.6 billion menjelang tahun 2020 nanti.

9. Untuk makluman semua di sini, UNWTO telah menyenaraikan Malaysia dalam 10 negara teratas dari segi kedatangan pelancong pada tahun 2009, di mana kita berjaya memperbaiki kedudukan di dalam ranking dunia dari kedudukan ke sebelas hingga ke kedudukan kesembilan hari ini. Syabas kepada Malaysia yang semakin dikenali oleh warga dunia!

10. Industri pelancongan juga merupakan industri yang sangat penting kepada ekonomi negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah meletakkan industri pelancongan salah satu industri terpenting daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (atau *New Key Economic Areas*) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Ini bermakna industri pelancongan diharap akan terus berkembang untuk menjana pendapatan tinggi kepada ekonomi negara.

11. Pada tahun 2020 pula, Kerajaan melalui Program Transformasi Pelancongan Negaratelah menyasarkan seramai 36 juta pelancong dengan pendapatan sebanyak RM168 billion. Kementerian ini percaya sekiranya semua pihak dapat bersama-sama berganding bahu dan mengembleng tenaga, berfikiran positif serta "*Think & Act Tourism*", sasaran ini dapat direalisasikan.

12. Justeru itu, pembudayaan "*Think & Act Tourism*" atau minda pelancongan merupakan satu elemen yang penting bagi memastikan segenap lapisan masyarakat termasuk para pelajar agar benar-benar bersedia untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan. Ini bermaksud kita perlulah bersedia untuk menerima serta melayan para pelancong dengan hati yang terbuka, kemesraan, berbudi bahasa serta saling tolong menolong.

Para hadirin sekalian,

13. Pelancong-pelancong antarabangsa gemar melancong di Malaysia kerana di sini mereka boleh menikmati persekitaran yang unik, warisan kebudayaan yang pelbagai serta keyakinan keselamatan diri ketika melancong. Oleh itu, sekiranya kita bijak menguruskan aspek-aspek produk tarikan pelancongan yang sedia ada, secara tidak langsung sektor pelancongan juga akan menyumbang terhadap penaiktarafan kualiti hidup kita.

14. Malaysia mempunyai banyak destinasi pelancongan yang cantik dan hijau berkat flora dan faunanya yang begitu menarik dan unik di dunia. Di Semenanjung Malaysia sahaja kita mempunyai lebih dari 8,500 jenis atau spesis tumbuh-tumbuhan bunga, sementara di Sabah and Sarawak dari 10,000 sehingga 12,000 spesies tumbuh-tumbuhan bunga. Kita mempunyai 3,000 jenis spesies pokok, 1,000 spesies orkid - Gunung Kinabalu dipercayai menjadi habitat bagi kira-kira 1,200 spesies orkid dan setakat ini, kira-kira 800 daripadanya telah dikenal pasti melalui kajian taksonomi.

15. Produk ekopelancongan kita mampu dikekalkan untuk kesejahteraan bersama untuk jangkamasa hadapan - 10, 20 tahun dan malah juga 100 tahun daripada sekarang untuk generasi kita akan datang. Walau bagaimanapun, ini hanya boleh menjadi kenyataan sekiranya kita dapat menjadikan “bersih dan indah” menjadi satu realiti hidupan harian dan bukan sekadar hanya slogan di mulut atau iklan sahaja.

16. Oleh itu, kita di Kementerian Pelancongan sedang berusaha untuk menyemai kesedaran tentang kepentingan pembangunan pelancongan secara mampan (atau *sustainable development*). Falsafah melindungi, memelihara dan memulihara alam semulajadi perlulah diamal dan diterapkan kepada jiwa masyarakat Malaysia. Ini amat penting dalam memastikan pembangunan industri pelancongan berkembang tanpa menjejaskan alam semulajadi.

17. Dalam konteks ini, program “*1Malaysia Green, 1Malaysia Clean*” yang telah dilancarkan pada 18 Julai tahun lepas diharap dapat memupuk kesedaran seluruh rakyat Malaysia tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta kebersihan di destinasi-destinasi pelancongan seperti pantai-pantai, hutan rimba yang berumur jutaan tahun, pulau-pulau, taman-taman riadah serta lain produk-produk pelancongan. Marilah kita bekerjasama dan berganding bahu bersama-sama untuk menjayakan matlamat 1Malaysia yang hijau dan bersih.

Para hadirin sekalian,

18. Program "*1Malaysia Green, 1Malaysia Clean*" ini kini diperluaskan pelaksanaannya ke peringkat negeri khususnya masyarakat di Labis termasuk kumpulan sasaran iaitu para pelajar Kelab Pelancongan Pelajar (atau Kelab 3P) untuk sama-sama menjaga keindahan kawasan ini. Untuk makluman para hadirin juga, Kolam Air Panas Labis ini telah menerima peruntukan daripada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) berjumlah RM1,084,301 dan diberi tambahan sebanyak RM500,000 melalui peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua bagi daerah Segamat.

19. Di negeri Johor juga terdapat banyak produk pelancongan berasaskan alam semulajadi seperti Gunung Ledang, Taman Negara Endau-Rompin, Desaru, Pulau Rawa, Pulau Sibul, Tanjung Piai dan lain-lain yang menjadi 10 ikon produk pelancongan negeri Johor. Maka salah satu kumpulan sasaran terpenting bagi terus menjaga kebersihan, keindahan serta kehijauan produk-produk tersebut pada masa kini dan akan datang adalah para pelajar khususnya Kelab Pelancongan Pelajar.

20. Pada hari ini juga, aktiviti menanam pokok dan gotong royong akan dilaksanakan bersama-sama dengan pelajar-pelajar daripada Kelab 3P ini. Sehingga Disember 2010, sejumlah 617 buah Kelab 3P telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan. Sebagai langkah awal, Kementerian Pelancongan telah meluluskan insentif berjumlah RM617 ribu kepada Kelab 3P.

21. Ini bermakna setiap Kelab 3P akan menerima insentif sejumlah RM1 ribu bagi menjalankan aktiviti ini. Di negeri Johor, Kelab Pelancongan pelajar yang didaftarkan adalah berjumlah 21 buah kelab dan saya difahamkan kesemua Kelab 3P ini telah melaksanakan program "*1Malaysia Green, 1Malaysia Clean*" di peringkat sekolah masing-masing.

22. Kementerian Pelancongan Malaysia juga telah memperkenalkan program "*Plant A Tree*" dengan tujuan untuk menghijaukan bumi kita yang dilanda masalah pemanasan global. Program ini dimulakan menerusi program Homestay dan setiap homestay digalakkan menanam pokok di kawasan mereka oleh para pelancong yang membeli pakej lawatan homestay.

23. Secara tidak langsung, program "*Plant A Tree*" ini menjadi

sebahagian daripada aktiviti di homestay dan memberi pulangan ekonomi kepada pengusaha *nursery* setempat. Di negeri Johor, terdapat 15 homestay telah diwujudkan di lapan buah daerah dengan jumlah peserta homestay seramai 464 dan jumlah bilik yang ditawarkan sebanyak 609 buah bilik.

24. Kesemua homestay ini telah diperiksa dan diperakui kebersihan serta kesediaan menerima para pelancong. Malah pihak Kementerian Pelancongan Malaysia bersama-sama dengan akhbar Utusan Malaysia telah melancarkan program “Anugerah Pelancongan Homestay Utusan Bersih dan Indah” bagi mengiktiraf kebersihan dan Keindahan homestay di Malaysia.

Para hadirin sekalian,

25. Akhir kata, persekitaran yang bersih dan indah akan menambahkan lagi nilai destinasi-destinasi serta tempat-tempat pelancongan dan kejayaan industri pelancongan terletak dalam bukan hanya pemuliharaan alam semulajadi kita tapi juga mempertahankan kebersihan dan keindahan persekitaran kita.

26. Oleh itu, besarlah harapan saya dan juga Kementerian Pelancongan Malaysia sekiranya seluruh rakyat Malaysia dapat bersama-sama berganding bahu menggerakkan inisiatif Kerajaan ini untuk memastikan negara kita sentiasa bersih dan indah. Bukan hanya setakat berhenti membuang sampah di merata tempat tapi jika anda melihat orang lain berbuat demikian, tegurlah mereka dengan cara baik supaya tidak membuang sampah.

27. Sebelum saya mengundurkan diri, terimalah serangkap pantun daripada saya:

*Otak-otak kesukaan Pak Dollah
Laksa Johor pula pilhan Mak Bedah
Mari pastikan negara sentiasa bersih dan indah
Agar sektor pelancongan negara terus menyerlah*

28. Dengan ini saya merasmikan program “1Malaysia Green, 1Malaysia Clean” bagi tahun 2011 peringkat daerah Segamat.

Sekian, terima kasih.